

**PANDUAN KEPADA CALON YANG MENGHADIRI TEMU DUGA
DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN, KOMPLEKS
JABATAN PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA**

1. Kompleks Jabatan Perdana Menteri telah diisytiharkan sebagai **Kawasan Larangan dan Tempat Larangan** di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).
2. Calon temu duga tidak digalakkan membawa bersama ahli keluarga untuk urusan temu duga. **Hanya calon temu duga** sahaja dibenarkan masuk ke Kompleks Jabatan Perdana Menteri bagi urusan temu duga. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada pilihan, keluarga akan dibenarkan masuk untuk menunggu **hanya di kawasan kafeteria di Blok B1 dan B2 selepas jam 8.30 pagi**.
3. Calon temu duga hanya dibenarkan untuk memasuki ke Kompleks Jabatan Perdana Menteri, **30 minit sebelum** waktu temu duga dijalankan. Calon yang tiba lebih awal tidak akan dibenarkan masuk sebelum tiba waktu yang telah ditetapkan. Waktu temu duga boleh disemak pada surat panggilan temu duga.
4. Calon temu duga perlu mendapatkan **Pas Keselamatan Pelawat** di Balai Kawalan Keselamatan, Kompleks Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan kemasukan ke kompleks. Calon perlu sentiasa mempamerkan Pas Keselamatan Pelawat semasa berada di dalam kawasan kompleks.
5. Calon perlu membawa bersama **dokumen pengenalan diri selain kad pengenalan** bagi tujuan penukaran Pas Keselamatan Pelawat. Kad pengenalan calon diperlukan bagi urusan semasa temu duga. Dokumen pengenalan lain yang boleh diterima untuk tujuan penukaran Pas Keselamatan Pelawat adalah seperti lesen memandu yang mempunyai gambar, kad pengenalan jabatan, kad nikah dan pasport.
6. Calon dikehendaki memakai pakaian yang bersesuaian mengikut etika berpakaian bagi menghadiri temu duga. Calon yang memakai **pakaian yang kurang sopan tidak akan dibenarkan untuk memasuki** Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

7. Calon temu duga perlu berada di **Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Blok B3, Kompleks Jabatan Perdana Menteri** atau di lokasi lain yang dinyatakan sebagai lokasi temu duga bagi urusan tersebut. Selain itu, calon hanya dibenarkan untuk ke kafeteria yang terletak di Blok B1 atau B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.
8. Calon perlu **sentiasa mematuhi peraturan keselamatan** yang sedang berkuatkuasa di dalam kawasan kompleks, calon dipohon untuk membaca peraturan yang dipamerkan di pintu masuk Kompleks Jabatan Perdana Menteri. Mana-mana pegawai/anggota keselamatan berhak membuat pemeriksaan keselamatan ke atas calon-calon dan sekiranya calon didapati melanggar mana-mana peraturan keselamatan yang telah ditetapkan, calon boleh diarah untuk meninggalkan kawasan kompleks.
9. Calon temuduga perlu **mengembalikan** Pas Keselamatan Pelawat, mengambil dan menyemak kembali dokumen pengenalan diri yang diserahkan sewaktu penukaran Pas Keselamatan Pelawat **sebelum meninggalkan** Kompleks Jabatan Perdana Menteri.
10. Kegagalan menyerah atau menghilangkan Pas Keselamatan Pelawat, Seksyen Keselamatan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri boleh mengenakan denda kepada calon sebanyak **RM60.00** (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Sahaja).

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya**